

**Panasonic**

Panasonic  
Tata Kelakuan

# Tata Kelakuan Panasonic

## Kandungan

Skop Penggunaan dan Pematuhan .....

Bab 1 : Nilai Teras Kita.....

Bab 2 : Melaksanakan Tata Kelakuan dalam Operasi Perniagaan .....

- I – 1. Penyelidikan dan Pembangunan.....
- 2. Pemerolehan.....
- 3. Pembuatan.....
- 4. Pemasaran & Jualan.....
- 5. Perhubungan Awam dan Pengiklanan.....

- II – 1. Kewujudan Bersama dengan Persekitaran Global .....
- 2. Keselamatan Produk .....
- 3. Pematuhan pada Undang-undang, Peraturan dan Etika Perniagaan
- 4. Penggunaan dan Pengawalan Maklumat.....
- 5. Pendedahan Maklumat .....
- 6. Aktiviti Kemasyarakatan Korporat.....

III. Jenama

Bab 3 : Perhubungan Pekerja .....

## Skop Penggunaan dan Pematuhan

### Skop Penggunaan

*Tata Kelakuan* ini terpakai bagi semua Pengarah, pegawai eksekutif dan pekerja Panasonic Corporation ( PC ) dan semua divisyen di bawah operasinya serta anak-anak syarikat di bawah kawalannya

### Penerbitan, Penerimaan dan Pengubahsuaian

Lembaga Pengarah PC menerbitkan *Tata Kelakuan* ini dan Lembaga Pengarah bagi setiap anak syarikat di bawah kawalan PC hendaklah menerima pakai *Tata Kelakuan* ini.

Syarikat-syarikat dalam PC boleh mengubah suai kandungan *Tata Kelakuan* ini selepas mendapat kebenaran Ibu Pejabat PC terlebih dahulu, bersesuaian dengan undang-undang, peraturan dan budaya negara atau wilayah yang berkenaan, dengan syarat pengubahsuaian tersebut tidak akan memasukkan sebarang peruntukan yang bertentangan dengan *Tata Kelakuan* ini.

### Semakan Semula

*Tata Kelakuan* ini hendaklah disemak semula berdasarkan kaedah di atas apabila diperlukan oleh keadaan sosial, perniagaan atau lain-lain keadaan yang berkaitan.

Pengarah/Pegawai yang Bertanggungjawab ke atas Pematuhan *Tata Kelakuan* dan Latihan/Pendidikan Pekerja.

Setiap syarikat dalam Kumpulan hendaklah melantik sama ada seorang Pengarah atau pegawai eksekutif yang bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap *Tata Kelakuan* ini. Sebagai tambahan, setiap syarikat dalam Kumpulan akan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan kesedaran pekerja serta pematuhan terhadap polisi-

polisi syarikat melalui penerangan yang sewajarnya tentang polisi-polisi ini termasuk penyediaan program latihan.

### Pelanggaran *Tata Kelakuan*

Pelanggaran *Tata Kelakuan* ini akan dianggap sangat serius.

Mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau pegawai eksekutif yang melanggar *Tata Kelakuan* ini akan dikenakan tindakan sama ada dengan undang-undang atau peraturan seperti undang-undang komersil atau peraturan syarikat.

Seseorang pekerja yang melanggar *Tata Kelakuan* ini akan dikenakan tindakan menurut peraturan-peraturan pekerja.

## **Bab 1 : Nilai Teras Kita**

### **Falsafah Asas Perusahaan Kita Sebagai Asas Perniagaan Kita**

Falsafah Asas Perusahaan kita membantu kita menentukan objektif, pendekatan kita terhadap aktiviti-aktiviti perniagaan dan hala tuju am Syarikat. Falsafah ini terdiri daripada *Matlamat Asas Pengurusan, Pedoman Syarikat dan Tujuh Prinsip*. Kesemua garis panduan ini bertindak sebagai penunjuk arah, membantu kita menentukan dan mengekalkan arah yang betul untuk perniagaan kita. Falsafah Asas Perusahaan kita tidak akan lapuk ditelan zaman malah akan kekal dipakai tanpa mengira di mana sahaja kita beroperasi.

### **Penciptaan Nilai dan Sumbangan kepada Masyarakat**

Perniagaan kita pada asasnya mengandungi rangkuman falsafah dan proses yang berikut. Pertama, kita diamanahkan oleh masyarakat dengan sumber-sumber yang bernilai, termasuk sumber manusia, bahan, dana dan maklumat. Seterusnya, kita menggunakan sumber-sumber ini untuk mencipta produk dan perkhidmatan bernilai tambah. Akhir sekali, kita menyediakan produk dan perkhidmatan ini agar mudah diperolehi di seluruh dunia. Perkara terpenting dalam kesemua proses ini ialah penciptaan nilai tambah yang bertujuan untuk memberi sumbangan terhadap kemajuan ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan harapan untuk mencapai kemajuan yang mampan. Dalam erti kata lain, penciptaan nilai dan sumbangan kepada masyarakat adalah misi utama kita.

### **Hubungan Rapat dengan Masyarakat**

Membina perhubungan yang erat dan sama-sama beroleh manfaat dengan masyarakat merupakan satu lagi proses utama. Disamping kita menyumbang kepada pembangunan berterusan masyarakat, Syarikat kita juga dipengaruhi secara positif oleh masyarakat. Perniagaan kita memerlukan kedua-dua sumbangan dan kerjasama ketara dan tidak ketara

daripada mereka yang berkepentingan, termasuk pelanggan, pemegang saham, rakan kongsi perniagaan, pekerja dan masyarakat tempatan. Pada waktu yang sama, aktiviti perniagaan kita pula mempengaruhi pihak-pihak yang berkepentingan tersebut dalam pelbagai aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.

### **Syarikat Sebagai Satu Institusi Masyarakat**

Memandangkan perniagaan kita bergantung kepada pelanggan dan mereka yang berkepentingan, kita mesti ingat bahawa “sebuah syarikat itu adalah satu institusi masyarakat” yang mesti berusaha untuk memenuhi tanggungjawab sosialnya. Selain mendengar pandangan pihak-pihak yang berkepentingan, kita mesti menjalankan perniagaan kita secara telus supaya kita dapat dipertanggungjawabkan. Secara ringkas, kita mesti terus berlaku adil, amanah, jujur dan pantas bertindak untuk mematuhi tanggungjawab sosial kita.

### **Hanya Satu Bumi**

Bumi adalah tempat tinggal kita. Ia memberikan kita pelbagai kurniaan termasuk sumber semula jadi dan tenaga. Dengan ingatan ini, kita akan mengambil inisiatif melalui aktiviti-aktiviti alam sekitar untuk memelihara alam semula jadi kita yang tidak ternilai ini untuk generasi yang akan datang.

### **Perspektif Global – Tingkah Laku Global**

Sebagai syarikat global, kita mesti menghormati hak asasi manusia dan melakukan yang terbaik untuk memahami, mengiktiraf dan menghormati kepelbagaian budaya, agama, pemikiran, undang-undang dan peraturan-peraturan penduduk yang berlainan negara dan wilayah di mana kita menjalankan perniagaan.

### **Melaksanakan Falsafah Asas Perusahaan Kita**

Pada hari ini, keutamaan yang lebih besar berbanding dahulu diberikan kepada tanggungjawab sosial korporat dan etika perniagaan. *Tata Kelakuan* ini digubal untuk membantu kita melaksanakan *Falsafah Asas Perusahaan* kita dengan menyediakan kriteria yang wajar dipatuhi dalam setiap aktiviti perniagaan di mana-mana negara. Namun begitu, *Tata Kelakuan* ini tidak mampu meliputi segala kemungkinan keadaan. Bagi keadaan yang tidak diliputi oleh *Tata Kelakuan* ini, amat penting bagi kita untuk sentiasa merujuk kepada *Falsafah Asas Perusahaan* dan menentukan bentuk tindakan yang diambil seiring dengan semangat Falsafah tersebut.

## **Matlamat Asas Pengurusan**

Menyedari tanggungjawab kita sebagai pengusaha, kita akan melibatkan diri ke arah kemajuan dan pembangunan masyarakat serta kesejahteraan manusia menerusi kegiatan perniagaan kita, seterusnya meningkatkan taraf hidup manusia di seluruh dunia.

## **Pedoman Syarikat**

Kemajuan dan pembangunan hanya boleh dicapai menerusi penyatuan tenaga dan kerjasama dari tiap tiap ahli syarikat ini. Dengan semangat bersatu, kita berikrar untuk melaksanakan kewajipan syarikat dengan dedikasi, rajin dan jujur.



## **TUJUH PRINSIP**

### **Sumbangan kepada Masyarakat**

Kita akan sentiasa mengendalikan diri mengikut Matlamat Asas Pengurusan dengan jujur demi memenuhi tanggungjawab kita sebagai pengusaha kepada masyarakat di mana kita beroperasi.

### **Keadilan dan Kejujuran**

Kita akan berlaku adil dan jujur di dalam semua urusan niaga dan perlakuan peribadi. Tanpa kejujuran, kita tidak akan dihormati orang atau dapat menjaga maruah diri kita walau bagaimana tingginya kebolehan dan pengetahuan yang kita miliki.

### **Kerjasama dan Semangat Kumpulan**

Kita akan menyatukan semua kebolehan yang ada pada kita untuk mencapai matlamat bersama. Tanpa kerjasama dan semangat kumpulan, kita hanya menjadi sebuah syarikat pada namanya sahaja, walau bagaimana tingginya bakat dan kebolehan yang kita ada sebagai individu.

### **Usaha Gigih untuk Kemajuan**

Kita akan sentiasa berusaha meningkatkan kebolehan untuk menyumbang kepada masyarakat menerusi kegiatan perusahaan kita. Hanya melalui usaha yang gigih ini sahajalah maka dapat kita memenuhi Matlamat Asas Pengurusan dan mencapai keamanan dan kemakmuran yang abadi.

### **Sopan Santun dan Rendah Diri**

Kita akan sentiasa bersopan santun dan merendah diri, menghormati hak dan kehendak orang lain demi mengeratkan hubungan sosial yang sihat dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat kita.

### **Penyesuaian Diri**

Kita akan terus menyesuaikan pemikiran dan perlakuan kita bagi memenuhi kehendak keadaan sekeliling yang sentiasa berubah, mengambil kira untuk bertindak dengan harmoni bersama alam semulajadi bagi menjamin kemajuan dan kejayaan dalam segala usaha kita.

### **Kesyukuran**

Kita akan bertindak dengan rasa kesyukuran atas segala kurniaan yang telah kita terima, yakin bahawa sikap ini akan menjadi sumber kebahagiaan dan kepuasan yang tidak terhingga, membolehkan kita mengatasi segala rintangan yang dihadapi.

## **Bab 2 : Melaksanakan Tata Kelakuan dalam Operasi Perniagaan**

### **I – 1 Penyelidikan dan Pembangunan**

#### **(1) Penyelidikan dan Pembangunan untuk Masa Hadapan yang Lebih Baik**

Melalui penyelidikan dan pembangunan kita mensasarkan untuk mencapai masa hadapan yang lebih baik. Pada waktu yang sama, kita akan berusaha menghalang teknologi kita daripada digunakan melalui apa jua cara yang boleh menggugat persekitaran global, keamanan dunia, keadilan sosial atau aktiviti-aktiviti kemanusiaan

#### **(2) Menghasilkan Produk yang Dikehendaki Pengguna**

Kita adalah komited untuk menghasilkan produk-produk yang akan memperkaya nilai kehidupan pelanggan kita dengan berterusan mengambil kira pandangan-pandangan pelanggan dan perubahan keperluan sosial serta dengan mengkaji bagaimana masyarakat hidup dan berinteraksi dengan produk-produk kita.

Kita akan berusaha memajukan produk-produk yang akan secara berterusan meningkatkan kepuasan hati pelanggan kita berdasarkan pada kualiti, prestasi, reka bentuk, kemampuan memiliki, kesedaran alam sekitar serta mudah digunakan dan mudah diperolehi oleh pelbagai khalayak, tanpa mengira usia atau kebolehan.

#### **(3) Menghormati Hak Cipta Intelek**

Kita akan mendapatkan dan melindungi hak cipta intelek bagi pencapaian R&D kita, pada waktu yang sama mempromosikan penggunaan yang bertanggungjawab terhadap teknologi kita di seluruh dunia.

Kita akan menghormati hak cipta intelek orang lain. Pada waktu yang sama, kita akan berusaha menghalang atau melupakan sebarang pelanggaran ke atas hak kita.

**(4) Piawai-Piawai Terbuka**

Dalam usaha menggabungkan piawai-piawai sedia ada dan mewujudkan piawai-piawai universal, kita akan berusaha untuk memaksimumkan faedah kepada pelanggan kita di seluruh dunia, pada waktu yang sama mendedahkan dengan sewajarnya semua maklumat yang berkaitan dan mempromosikan aktiviti-aktiviti perniagaan kita secara membangun.

## **2. Pemerolehan**

### **(1) Transaksi Adil Pada Landasan yang Saksama**

Dalam urusan pemerolehan kedua-dua barangan dan perkhidmatan kita akan berurusan melalui hubungan yang adil dengan pembekal-pembekal kita berdasarkan perasaan saling mempercayai dan menghormati.

### **(2) Pemilihan Pembekal**

Kita akan menawarkan peluang yang saksama kepada pembekal-pembekal yang berpotensi di seluruh dunia. Pemilihan akan dibuat berdasarkan penilaian yang adil dan secara objektif berteraskan kemampuan setiap pembekal untuk memenuhi kriteria kita berkaitan keselamatan barangan dan perkhidmatan, kesan ke atas alam sekitar, kualiti, harga berdayasaing dan memenuhi tarikh penghantaran dan masa yang dipersetujui juga pematuhan kepada undang-undang dan norma-norma sosial. Sokongan pembekal-pembekal terhadap *Falsafah Asas Perusahaan* kita dan Tata Kelakuan ini juga akan dinilai secara positif.

### **(3) Aktiviti Pemerolehan yang Adil**

Dalam melaksanakan pemerolehan, kita akan bertindak dengan beretika dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan. Kita tidak akan menerima sebarang faedah peribadi daripada pembekal-pembekal.

### **3. Pembuatan**

#### **(1) Menyumbang kepada Masyarakat**

Kita akan sentiasa mengingati bahawa misi kita adalah untuk menyumbang kepada masyarakat melalui pengeluaran dan mewujudkan nilai tambah untuk masyarakat. Pada waktu yang sama, kita akan terus memperbaiki pencapaian alam sekitar di dalam operasi pembuatan kita.

#### **(2) Keselamatan dan Kualiti Produk**

Disamping mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang diguna pakai, kita akan memberikan kepentingan utama kepada keselamatan produk dan akan terus berusaha untuk mengekalkan dan memperbaiki lagi kualiti produk.

#### **(3) Kepuasan Pelanggan**

Melalui usaha berterusan kita secara global untuk meningkatkan lagi produktiviti dan mengurangkan kos, kita akan meneruskan pengeluaran produk dengan kualiti tahap tertinggi pada harga yang berpatutan. Kita akan membina sistem pengeluaran dan penghantaran yang fleksibel sebagai memenuhi kehendak pelanggan yang memerlukan pembekalan yang boleh diharapkan dan tepat pada waktunya.

#### **4. Pemasaran & Jualan**

##### **(1) Mewujudkan Pasaran Baru**

Kita akan melakukan segala usaha untuk memahami apa yang dikehendaki dan diperlukan oleh pelanggan supaya kita boleh mencadangkan secara aktif pembangunan dan promosi produk dan perkhidmatan yang mendahului zaman yang akan membawa pelanggan ke era baru.

##### **(2) Mengatasi Jangkaan Pelanggan**

Apabila bertemu pelanggan, kita perlu mengingati bahawa setiap dari kita adalah mewakili Syarikat. Kita akan memberikan tindak balas secara merendah diri, jujur dan mesra, menyatakan rasa terima kasih kita kepada mereka, sambil berusaha untuk memberi tindak balas yang tepat dan pantas.

Kita akan melakukan yang terbaik khususnya dalam memenuhi dan mengatasi jangkaan pelanggan kita dengan membekalkan produk dan perkhidmatan yang mereka kehendaki dan perlukan, tepat pada waktunya, dan dengan bertindak terhadap aduan-aduan mereka dengan sewajarnya. Untuk tujuan ini, kita akan melindungi semua maklumat pelanggan dengan sebaik-baiknya.

##### **(3) Pematuhan Pemasaran**

Tidak kira bagaimana sengitnya persaingan yang berlaku, kita akan menjalankan aktiviti pemasaran yang adil dan beretika, mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai. Dengan erti kata lain, kita tidak akan melanggar undang-undang, peraturan-peraturan atau norma-norma sosial dalam usaha mencapai jualan atau keuntungan yang lebih baik.

Kita tidak akan terlibat dengan rasuah, pakatan sulit dalam bidaan, pengaturan harga atau aktiviti “ Cartel “

Kita akan mengambil langkah-langkah sewajarnya mengawal eksport untuk memastikan produk-produk dan teknologi kita tidak disalah gunakan sebagai alat yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan.

## **5. Perhubungan Awam dan Pengiklanan**

### **(1) Komunikasi**

Melalui komunikasi korporat kita yang merangkumi aktiviti-aktiviti perhubungan awam dan pengiklanan, kita akan memberikan maklumat yang adil dan tepat tentang asas polisi perniagaan kita, begitu juga tentang produk, perkhidmatan dan teknologi kita dengan bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih lagi kepada pelanggan-pelanggan kita dan pihak-pihak yang berkepentingan, dan dengan itu meningkatkan lagi nilai jenama kita. Pada waktu yang sama kita akan terus mendengar dan memerhati masyarakat, belajar dari mereka dan menterjemahkan pandangan mereka di dalam aktiviti perniagaan, pemasaran dan perdagangan kita.

### **(2) Keadilan Kandungan dan Penyataan**

Kita tidak akan memberi gambaran yang mengelirukan, memperdaya, palsu atau tidak adil. Iklan-iklan kita tidak akan mengandungi unsur fitnah, politik atau agama.

### **(3) Kreativiti dan Inovasi**

Kita akan berusaha membina dan memperlihatkan kedua-dua kreativiti dan inovasi dalam aktiviti-aktiviti komunikasi korporat kita dan menarik perhatian pengguna bahawa jenama kita boleh dipercayai.



## **II - 1. Kewujudan Bersama dalam Persekitaran Global**

### **1) Merealisasikan Satu Masyarakat yang Mampan**

Kita komited dalam mencipta nilai yang mengambil kira perspektif alam sekitar melalui aktiviti perniagaan kami dan menjalankan perniagaan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan dan serasi dengan pemeliharaan alam sekitar.

Kita akan mengambil inisiatif untuk mengurangkan potensi kesan sebalik ke atas alam sekitar akibat dari aktiviti perniagaan kita, seperti inisiatif untuk: mengurangkan pemanasan global; menggunakan sumber terhad secara efektif; menguruskan bahan kimia mengikut peraturan; menggunakan dengan cekap serta mencegah pencemaran air; dan mengambil berat mengenai kepelbagaian kehidupan.

Kita akan mendedahkan kepada umum mengenai inisiatif penjagaan alam sekitar dan pencapaian kita, supaya mereka lebih memahami, menyokong dan menyebarkan inisiatif sedemikian.

### **2) Pembangunan Produk dan Perkhidmatan yang Bertanggungjawab terhadap Alam Sekitar**

Kita akan memberikan perhatian terhadap alam sekitar dalam semua proses penyelidikan dan pembangunan, perancangan produk, dan reka bentuk produk untuk mencipta dan mengedarkan produk dan perkhidmatan yang bermodalkan kekuatan kita dalam teknologi alam sekitar.

### **3) Usaha Kita dalam Semua Proses Pengeluaran**

Kita akan meneruskan matlamat kita dalam mengurangkan kesan sebalik ke atas alam sekitar dan serentak dengan itu meningkatkan produktiviti dalam semua proses pengeluaran seperti perancangan produk, pemerolehan, pembuatan, jualan, logistik dan kitar semula.

### **4) Meningkatkan Kesedaran Alam Sekitar**

Kita akan berusaha untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dikalangan pekerja kita melalui aktiviti kesedaran untuk mempromosikan operasi berorientasikan alam sekitar dalam semua kawasan perniagaan, unit dan peringkat. Kita juga akan menambah baik komunikasi dengan rakan kongsi perniagaan serta masyarakat tempatan dan bekerjasama dengan mereka untuk menangani cabaran alam sekitar.

## **2. Keselamatan Produk**

### **(1) Keutamaan Terhadap Keselamatan**

Kita akan memberikan kepentingan utama kepada keselamatan produk dalam semua reka bentuk, pembangunan, pembuatan, pemasaran dan aktiviti-aktiviti jualan. Kita juga akan berusaha memastikan keselamatan dalam semua aktiviti yang berkaitan, bermula daripada pemasangan produk hinggalah kepada penyelenggaraan selepas jualan dan pembaikan.

### **(2) Peruntukan Maklumat**

Bagi memastikan produk kita digunakan dengan betul dan seterusnya menghindarkan kemungkinan berlakunya kemalangan, kita akan menyediakan panduan dan penerangan yang mudah difahami tentang pengendalian yang betul dan penggunaan yang selamat.

### **(3) Langkah-langkah Selepas Kemalangan**

Jika kita menerima laporan berkaitan keselamatan produk kita, kita akan melakukan penyiasatan dengan segera untuk mengenal pasti punca-punca masalah. Jika keputusannya memperlihatkan kemungkinan adanya masalah keselamatan, kita akan bekerjasama sepenuhnya dan secara telus dengan pihak berkuasa, mengambil tindakan pantas yang diperlukan untuk menghapuskan ancaman serius kepada keselamatan dan kesejahteraan awam serta mengelakkan berulangnya kejadian serupa.

### **3. Pematuhan Kepada Undang-undang, Peraturan dan Etika Perniagaan**

#### **(1) Pematuhan Kepada Undang-undang, Peraturan dan Etika Perniagaan**

Kita akan menjalankan perniagaan dengan integriti, semangat mematuhi undang-undang dan dengan piawai etika yang tertinggi.

Kita akan menyempurnakan tugas kita dengan sentiasa mematuhi bukan sahaja undang-undang dan peraturan tetapi juga piawai tertinggi etika perniagaan. Mematuhi undang-undang, peraturan dan etika perniagaan dalam semua aktiviti perniagaan kita adalah penting untuk kelangsungan perniagaan kita.

#### **(2) Tindakan yang Adil dan Ikhlas**

Kita akan menghormati persaingan bebas dan adil serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan pecah amanah (undang-undang persaingan) yang diguna pakai. Semua transaksi akan direkodkan dengan teratur dan betul.

Kita tidak akan terlibat dengan sebarang bentuk rasuah. Kita akan mengambil pendekatan yang sensitif dan akan mematuhi undang-undang, peraturan dan etika sosial yang mentadbir sebarang bentuk pemberian termasuk hadiah, jamuan dan hiburan. Dalam keadaan yang sama, kita tidak akan menerima faedah peribadi daripada mana-mana pihak yang berkepentingan.

Tambahan pula, kita akan kekal bersikap tegas untuk menentang mana-mana kumpulan atau organisasi yang menyalahi undang-undang.

#### **(3) Pematuhan Menyeluruh Undang-undang dan Peraturan yang Berkaitan**

Untuk memastikan semua pekerja mematuhi dan menghormati semangat semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, kita akan mewujudkan kod-kod dalaman yang sesuai dan menggalakkan pekerja memahaminya melalui seminar-seminar dan latihan.

**(4) Langkah-langkah Pembetulan dan Tindakan Tegas Terhadap Pelanggaran Undang-undang dan Peraturan**

Jika kita mengesyaki aktiviti-aktiviti kita melanggar undang-undang, peraturan atau etika perniagaan, kita akan melaporkan maklumat tersebut kepada pegawai atasan atau seksyen perundangan atau seksyen lain yang berkaitan, atau melalui talian penting makluman dalaman Syarikat. Pemberi maklumat akan dilindungi daripada tindakan pemecatan, penurunan pangkat atau sebarang tindakan membalas atas sebab niat baik mereka melaporkan kemungkinan berlakunya pelanggaran sebarang undang-undang atau peraturan. Penyiasatan menyeluruh dan kerahsiaan maklumat yang dilaporkan akan dijamin.

Apabila pelanggaran peraturan atau undang-undang dipastikan telah berlaku, tindakan segera bagi pembetulan pelanggaran yang sewajarnya akan diambil dan menghindarkannya daripada berulang.

#### **4. Penggunaan dan Kawalan Maklumat**

##### **(1) Penggunaan Maklumat Secara Efektif**

Sumber Teknologi Maklumat kita akan digunakan secara efektif dan lancar untuk mengumpul, menyimpan, mengawal, mengguna, melindungi dan melupuskan maklumat-maklumat pengurusan, teknologi, peribadi dan lain-lain yang berguna agar ianya dapat digunakan dengan betul dan efektif tanpa membahayakan kerahsiaannya.

##### **(2) Keselamatan Maklumat**

Kita akan berusaha menghindarkan cetak rompak atau pemalsuan dan menghindarkan kebocoran maklumat kita.

##### **(3) Penerimaan Maklumat Daripada Pihak Ketiga**

Apabila menerima maklumat yang sulit daripada pihak ketiga, kerahsiaannya akan dihormati dan diberikan perlindungan sewajarnya.

##### **(4) Pengendalian Maklumat Peribadi**

Mengenal pasti kepentingan melindungi maklumat peribadi, kita akan mengumpul, menyimpan, mengawal, mengguna, memproses dan melupuskan maklumat peribadi dengan sewajarnya dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Kita juga akan berusaha mengelakkan kehilangan, pemalsuan atau kebocoran maklumat-maklumat tersebut.

## **5. Pendedahan Maklumat**

### **(1) Pendekatan Asas Terhadap Pendedahan Maklumat**

Kita akan membekalkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pelanggan-pelanggan dan pemegang-pemegang saham dengan maklumat yang adil dan tepat berkaitan urusan kewangan korporat, Falsafah Asas Perusahaan, polisi dan aktiviti perniagaan termasuk aktiviti alam sekitar, sosial, dan tadbir urus dengan cara yang difahami, tepat masa dan bersesuaian. Pada waktu yang sama, kita akan mendengar permintaan dan komen pelanggan-pelanggan dan mencerminkannya didalam polisi dan aktiviti perniagaan kita. Kita akan berusaha untuk menjadi satu perusahaan yang sangat telus

### **(2) Pematuhan Kepada Undang-undang dan Peraturan yang Diguna Pakai**

Sekuriti-sekuriti kita telah tersenarai di pasaran sekuriti beberapa negara dan wilayah. Sehubungan dengan itu, semua undang-undang sekuriti, undang-undang berkaitan pendedahan maklumat dan peraturan negara-negara dan wilayah-wilayah yang diguna pakai akan dipatuhi. Kita sama sekali tidak akan menjalankan dagangan dalaman atau urusanniaga lain dengan menggunakan maklumat dalaman.

### **(3) Kaedah Pendedahan**

Dengan melaksanakan sistem untuk memastikan pendedahan maklumat berlaku dengan tepat pada masanya dan bersesuaian, kami akan mendedahkan maklumat mengikut undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan maklumat lain yang kami anggap perlu untuk didedahkan, mengikut prosedur kawalan dalaman yang betul, untuk memastikan bahawa maklumat kami mendedahkan adalah adil, tepat, dan mencukupi..

## **6. Aktiviti – aktiviti Kemasyarakatan Korporat**

### **(1) Aktiviti-aktiviti Kemasyarakatan Korporat**

Menyedari bahawa Syarikat adalah sebahagian daripada masyarakat dan sebagai usaha membentuk masyarakat yang lebih baik, kita akan menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan korporat seperti kewujudan bersama alam sekitar, pembangunan diri dan pendidikan, penggalakan seni dan budaya, kebajikan masyarakat dan sokongan serta perkongsian dengan pertubuhan-pertubuhan bukan bermatlamatkan keuntungan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Melalui aktiviti-aktiviti ini kita mensasarkan untuk membantu membentuk masyarakat yang lebih sihat dan makmur.

### **(2) Kewujudan Bersama Masyarakat Setempat**

Menyedari bahawa syarikat adalah sebahagian daripada masyarakat setempat, kita akan berusaha untuk bekerja dan berkembang seiring dengan masyarakat setempat.

Kita akan bekerjasama secara aktif dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti masyarakat setempat terutamanya aktiviti-aktiviti kemasyarakatan korporat yang berfaedah kepada masyarakat untuk menggalakkan bidang-bidang seperti seni, budaya dan sukan termasuk juga alam sekitar. Kita juga akan berusaha memenuhi keperluan masyarakat setempat dengan membolehkan kemudahan syarikat digunakan dan menganjurkan acara terbuka kepada awam apabila boleh.

Apabila berlaku bencana besar, seperti malapetaka alam, kerjasama akan diberikan kepada pihak-pihak yang terlibat dan tindakan membantu akan diberikan dengan pantas.

### **(2) Sumbangan, Tajaan dan Sokongan Kepada Organisasi Perkhidmatan Awam**

Bagi membantu mengurangkan masalah sosial dan menyumbang kepada masyarakat, Syarikat akan memberikan sumbangan-sumbangan dan menaja aktiviti-aktiviti yang sesuai. Syarikat juga akan memberikan sokongan kepada organisasi-organisasi perkhidmatan awam termasuk yayasan-yayasan dan dana-dana yang telah ditubuhkan oleh Syarikat

### **III. Jenama**

#### **(1) Pendekatan Kita Terhadap Jenama**

Kita akan menguatkan hubungan dengan pelanggan di seluruh dunia dengan mempromosikan wawasan kita yang dinyatakan dalam, dan melalui penggunaan jenama Panasonic yang betul, yang mana kita lihat sebagai ekspresi komitmen kita terhadap para pelanggan serta sebagai bukti di atas kepercayaan dan kepuasan hati mereka.

#### **(2) Identiti Jenama Panasonic**

Kita akan mengabdikan diri kita untuk merealisasikan janji yang dinyatakan dalam Slogan Jenama – ‘A Better Life, A Better World’, iaitu, terus menyumbang kepada evolusi masyarakat dan kebahagiaan manusia di seluruh dunia.

Tambahan lagi, kita akan berusaha untuk meneruskan perniagaan kita dengan mengingati tiga nilai berikut:

**Berwawasan** Kita akan terus mencipta nilai baharu dengan kesedaran berterusan mengenai trend yang muncul dan isu global seperti alam sekitar, menjangkau jangkauan pelanggan melalui kreativiti dan kepintaran kita.

**Menghalusi** Kita akan terus berusaha untuk menterjemahkan wawasan kita melalui mutu produk dan perkhidmatan



yang membolehkan pelanggan menjalani kehidupan yang mereka idamkan.

**Dipercayai**

Kita membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan dengan memberikan nilai kepuasan sebenar.

**3) Produk dan Perkhidmatan Optimum yang Meningkatkan Nilai Jenama Kita**

Kita akan berusaha untuk mengekalkan serta meningkatkan nilai jenama Panasonic melalui usaha yang gigih untuk mencipta produk dan perkhidmatan yang memberi manfaat kepada pelanggan kita.

**Bab 3 : Perhubungan Pekerja**

Syarikat akan menghormati maruah manusia dan berusaha menyediakan persekitaran yang menggalakkan pekerja merialisasikan potensi sebenar mereka. Syarikat menghormati personaliti dan motivasi setiap pekerja dan dalam keadaan-keadaan yang wajar, berusaha menawarkan peluang-peluang yang sama di wilayah-wilayah lain. Melalui pembentukan perhubungan yang saling memanfaatkan antara Syarikat dan para pekerja, kita akan melaksanakan Falsafah Asas Perusahaan.

**1. Pembangunan Sumber Manusia**

- (1) Setia kepada prinsip, "Asas pengurusan ialah manusia," kita komited membina sumber manusia yang luar biasa keistimewaannya , kreatif dan bersemangat

mencabar, juga mengembangkan kebolehan kita sendiri melalui sistem sumber manusia, pendidikan pekerja dan latihan.

- (2) Personaliti dan identiti tersendiri pekerja akan dihormati dan pada waktu yang sama berusaha mengekalkan dan memperbaiki sistem yang dapat mengembangkan kepelbagaian kualiti pekerja.
- (3) Kita akan berusaha menjadi ahli masyarakat yang dihormati selain sebagai ahli Syarikat yang baik dengan menggunakan budi bicara dan sikap menghormati orang lain.
- (4) Pengurus-pengurus akan memenuhi tugas mereka berdasarkan penerimaan bahawa pembangunan sumber manusia adalah tanggungjawab utama mereka.

## 2. Menghormati Hak Asasi Manusia

- (1) Syarikat menghormati dasar hak asasi manusia dan akan berusaha memastikan peluang pekerjaan yang sama rata.  
Syarikat tidak akan bertoleransi ke atas sebarang diskriminasi terhadap pekerja atau individu-individu lain sama ada melalui tutur kata atau perbuatan, berdasarkan jantina, umur, kaum, fahaman, agama, status sosial, kewarganegaraan, etnik, orientasi seksual, identiti jantina, kecacatan fizikal atau mental, atau sebarang status yang dilindungi undang-undang berhubungkait dengan undang-undang berkenaan.
- (2) Syarikat tidak akan menggaji pekerja tanpa kerelaan mereka dan tidak akan menggunakan buruh kanak-kanak. Syarikat akan mematuhi undang-undang dan peraturan pekerjaan negara-negara atau wilayah-wilayah di mana perniagaan dijalankan.
- (3) Berdasarkan penerimaan penuh bahawa setiap individu adalah berbeza dan mempunyai nilai-nilai yang berbeza, kita akan menghormati hak-hak peribadi setiap pekerja. Kita akan berusaha mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan selesa dengan mengelakkan ucapan atau perlakuan yang melanggar hak asasi manusia seperti fitnah, penghinaan, gangguan seksual atau perlakuan ganas.
- (4) Syarikat akan memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap kesihatan para pekerja dan akan mengekalkan suasana kerja yang selesa yang memenuhi piawai keselamatan yang diguna pakai.
- (5) Dengan mengambil kira undang – undang dan amalan buruh dalam setiap negara, syarikat akan berusaha memupuk perhubungan baik dengan pekerja-pekerja dan menyelesaikan isu , antara lain, tempat kerja dan keadaan bekerja melalui dialog berterusan yang ikhlas dan membina.

### 3. **Perlindungan Aset Korporat**

Aset-aset korporat ketara dan tidak ketara termasuk rangkaian langsung dan sistem maklumat lain adalah disediakan untuk tujuan perniagaan. Kita tidak akan menyalahgunakannya. Apabila pekerja meninggalkan Syarikat, semua aset korporat dalam simpanan mereka hendaklah dipulangkan kepada Syarikat termasuk semua maklumat sulit berkaitan perniagaan dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Pekerja tidak boleh mendedahkan kepada pihak ketiga sebarang maklumat sulit yang diketahui semasa menjalankan tugas, termasuklah rahsia perdagangan, tanpa kelulusan Syarikat.

### 4. **Percanggahan Kepentingan**

Kita tidak akan melibatkan diri dalam sebarang tindakan jika kepentingan peribadi bercanggah atau mungkin bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Jika percanggahan seperti ini timbul, kita akan melaporkan kepada pegawai atasan atau pegawai-pegawai lain yang sesuai.

***Maklumat Penting:*** Ini merupakan terjemahan daripada Tata Kelakuan PC yang pada asalnya diterbitkan di dalam Bahasa Inggeris.

*Jika terdapat sebarang pertikaian berkaitan pentafsiran Tata Kelakuan ini, makna sebenarnya di dalam terbitan asal berbahasa Inggeris akan diguna pakai.*

---

**Tata Kelakuan Panasonic**

Diterbitkan : Januari 1, 1992

Diubah : Januari 1, 1998

Diubah : Januari 1, 2005

Diubah : Oktober 1, 2008

Dikemaskini : April 1, 2014

Dikemaskini : April 1, 2016

Dikemaskini : April 1, 2019

---